

Kekacauan di Iraq akan berterusan: Dr Mahathir

BH - 18/3/2004: 7

Oleh Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kacau bilau di Iraq akan berterusan sama ada tentera Amerika Syarikat (AS) kekal atau meninggalkan negara itu selepas peralihan kuasa kepada kerajaan pimpinan rakyat negara itu pada 30 Jun ini.

Bekas Perdana berkata, AS sudah tersepit terlalu jauh dalam konflik itu sehingga tidak dapat keluar daripada masalah yang dicetuskan sendiri.

"Jika mereka kekal, akan berlaku huru hara. Jika mereka keluar, ia juga akan huru hara.

"Apa yang harus mereka lakukan ialah memberikan kuasa pemerintahan tentera AS kepada sesiapa saja yang dilantik Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Hanya ini penyelesaian yang ada," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan buku *A Salute To A Man*, di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini tengah hari semalam.

Kompilasi buku koleksi petikan ucapannya sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri disampaikan penulisnya, Bernica Narayanan. Buku setebal 218 muka surat itu diterbitkan BN Integrated Sdn Bhd dan diedarkan Rhy-

thm Consolidated Sdn Bhd.

Dr Mahathir berkata, AS yang mencipta masalah di Iraq dan mereka harus menyelesaikannya dan PBB adalah satu-satunya saluran penyelesaian.

"Sekarang lebih ramai yang mati...beberapa warga Amerika tetapi sebahagian besar yang mati adalah warga Iraq.

"Penyelesaian saya ialah mereka (tentera Amerika) mesti kekal kerana mereka bertanggungjawab menyebabkan masalah ini. Mereka harus menghadapi serangan rakyat Iraq.

"Kini mereka mahu menceroboh Syria. Mereka boleh ceroboh. Anda boleh takluk semua negara yang menjadi paksi kejahatan.

"Tetapi hari ini anda tak boleh jajah mana-mana negara. Kerajaan yang ada mungkin menyerah kalah dan menandatangani perjanjian damai tetapi rakyat tidak akan terima penjajah," katanya yang tidak nampak penyelesaian dalam tempoh terdekat.

Mengenai keputusan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) menghantar delegasi peringkat Menteri Luar bagi bertemu 'kuartet' bagi menangani masalah di Palestin, Dr Mahathir berkata, ia langkah baik dan perlu



DR MAHATHIR bersama pengarang buku *A Salute To A Man*, Bernica Narayanan pada majlis penyerahan buku semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar

dilakukan.

"Tetapi saya tidak fikir ia dapat mengubah pandangan Amerika. Negara itu tidak boleh menentang Israel. Mana-mana pemimpin

yang menentang Israel termasuk John Kerry (calon Demokrat untuk pilihan raya presiden Amerika akhir tahun ini) akan kalah," katanya.